

200 pokok ditanam di UMS menerusi OCOT

Program dijayakan bersama Canon Malaysia dan MNS sebagai projek CSR

UB 06.10.2023 P.06

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Fakulti Perhutanan Tropika (FPT) dengan kerjasama Canon Malaysia dan Malaysian Nature Society (MNS) telah menanam 200 pokok pelbagai jenis di SFERA@ UMS baru-baru ini.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, berkata aktiviti penanaman menerusi program One Canon One Tree (OCOT) itu merupakan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) Canon Malaysia.

"Program ini adalah inisiatif Canon Malaysia untuk mengurangkan jejak karbon dan membantu dalam peningkatan Sustainable Development Goals (SDGs) yang ditetapkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sejak

2015 bagi memastikan semua orang menikmati keamanan dan kemakmuran menjelang 2030," katanya.

Kasim berkata program OCOT merupakan yang pertama dilaksana di Pantai Barat Sabah dan UMS adalah lokasi yang dipilih untuk aktiviti penanaman pokok.

"Oleh itu, UMS berperanan dalam membantu merealisasikan objektif kempen ini dengan memupuk semangat cintakan alam semula jadi.

"Ini adalah melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia," katanya.

Beliau berkata aktiviti sedemikian turut menyokong Pelaksanaan Program Peng-

hijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021 sehingga 2025 di peringkat UMS melalui FPT.

Pada program itu, seramai 122 orang yang terdiri daripada kakitangan Canon Malaysia, ahli MNS, kakitangan akademik dan pentadbiran serta pelajar FPT UMS telah menyertai aktiviti penanaman pokok buah-buahan tempatan yang terdiri daripada durian, rambutan, tarap, cempedak dan nangka.

Turut hadir, Ketua Canon Marketing Malaysia Cawangan Sabah, Calvin Liew; Pengurus MNS Cawangan Sabah, Anna Wong @ Wong Yun Moi dan Dekan FPT UMS, Prof. Madya Dr. Normah Awang Besar @ Raffie.



RASMI: Kasim (tengah) menanam pokok sempena program OCOT.



TERIMA KASIH: Kasim menyampaikan cenderahati kepada Calvin yang mewakili Canon pada majlis itu.



KERJASAMA: Aktiviti penanaman pokok OCOT di Sfera@UMS baru-baru ini.